

PPIB UMS rasmi Tugu 1Malaysia

OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabah-times.com.my) *NST 11/11/2011 2*

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang melaksanakan program pengajian berteraskan semangat patriotik, pemahaman, penghayatan sejarah dan warisan budaya bangsa Malaysia merasmikan Tugu 1Malaysia bagi mencerminkan fungsi utama pusat berkenaan.

Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon berkata, tugu 1Malaysia itu melambangkan ciri khusus PPIB sebagai peneraju konsep 1Malaysia yang mana menawarkan 10 kursus bahasa asing dan tempatan kepada pelajar.

"Kita memerlukan simbol yang boleh dilihat untuk mengingatkan diri kita tentang fakta kemajmukan masyarakat Malaysia yang perlu hidup berkongsi aspirasi dan berpadu tenaga untuk membangunkan negara.

"Saya selalu mengenakan lencana simbol 1Malaysia untuk mengingatkan diri saya tentang fakta kemasyarakatan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Tugu 1Malaysia berukuran 5' x 2', di universiti itu, di sini, kelmarin.

PPIB UMS yang melaksanakan program pengajian berteraskan semangat patriotik, pemahaman, penghayatan sejarah dan warisan budaya bangsa Malaysia, kini memiliki Tugu 1Malaysia bagi mencerminkan fungsi utama pusat berkenaan.

Turut hadir Pendaftar UMS, Mejar Abdullah Hj Mohd Said; Dekan PPIB, Prof Madya Dr Ismail Ali; Pengarah Bahagian Keselamatan UMS, Kapten Haznain Ngamil; Penolong Pendaftar Kanan PPIB, Mohd Wazir Shafie Aliasah, para pensyarah dan kakitangan PPIB.

Sebagai pusat yang melaksanakan program berteraskan prinsip 'menginsan manusia', PPIB juga meletakkan

objektif melahirkan siswazah yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing atau tempatan.


PPIB menawarkan tiga gugusan kursus yang melibatkan Gugusan Wajib, Gugusan Bahasa-bahasa dan Gugusan Kemahiran Insaniah.

Terdapat 11 kursus bahasa ditawarkan iaitu bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Kadazandusun, bahasa Jepun, bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Rusia, bahasa Sepanyol, bahasa Korea dan bahasa Tamil.

Sementara itu, Dr Ismail Ali menyatakan PPIB telah memperlihatkan komitmen mengetengahkan konsep 1Malaysia melalui pengajuran Seminar Kebangsaan 1Malaysia 1 hingga 2 November tahun lalu yang telah melibatkan pembentangan 101 kertas kerja

"Dalam Seminar Kebangsaan 1Malaysia, PPIB berusaha melihat konsep 1Malaysia dari sudut pandangan akademik, mengatasi pelbagai masalah dan kekeliruan berkaitan konsep 1Malaysia, mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan konsep 1Malaysia serta memperkaya kandungan intelektual mengenai konsep 1Malaysia," katanya.

PPIB, UMS ditubuhkan pada tahun 1994, bertujuan menawarkan kursus-kursus teras universiti kepada semua pelajar dari pelbagai sekolah di UMS. Terdapat 11 sekolah di Kampus Utama Kota Kinabalu yang melibatkan enam sekolah berasaskan sains dan lima sekolah berasaskan sastera.



SIMBOL PERPADUAN ... Tugu 1Malaysia di hadapan PPIB.

TUGU 1MALAYSIA ...
Dr Kamaruzaman menurunkan tandatangan perasmian sambil diperhatikan Abdullah.

